BAB 7

POLA PEMELIHARAAN DAN PENYISIHAN BAHASA

7.0 Pengenalan

Pemilihan bahasa yang berlaku di kalangan anggota sesuatu komuniti yang dwibahasa atau pelbagai bahasa boleh mengakibatkan berlakunya gejala pemeliharaan dan penyisihan bahasa. Pola pemilihan bahasa yang berbeza berdasarkan umur yang sedang berlaku pada masa ini di dalam sesebuah komuniti menggambarkan bahawa proses pemeliharaan dan penyisihan bahasa sedang berlaku. Jika satu bahasa yang menjadi bahasa ibunda dipilih oleh anggota komuniti yang berumur agak tua dan penggunaannya terhad dalam domain tertentu sahaja, manakala golongan muda pula menggunakan bahasa yang lain, maka bolehlah dikatakan bahawa komuniti ini sedang mengalami proses penyisihan bahasa. Bahasa ibunda berkemungkinan besar akan pupus apabila penuturnya yang terdiri daripada orang-orang tua tidak ada lagi nanti. Peranan bahasa yang pertama sebagai bahasa ibunda dalam komuniti ini diganti oleh bahasa kedua, yakni bahasa yang digunakan oleh golongan yang lebih muda. Melalui peredaran masa, bahasa yang kedua ini akan mengambil alih bahasa yang pertama sebagai bahasa ibunda dan bahasa ini mengalami proses pemeliharaan. (Fasold 1984, Fishman 1972c).

7.1 Kategori responden

Dalam bab ini, perkara yang akan disentuh adalah bahasa yang manakah mengalami penyisihan dan bahasa yang mana pula mengalami pemeliharaan. Tumpuan akan diberikan kepada bahasa Tanjong, Kanowit, Iban dan Melayu. Bagi melihat proses ni, responden telah dibahagikan kepada tiga generasi berdasarkan umur mereka.

.1.1 Generasi pertama (G1)

ategori pertama dinamakan Generasi Pertama (G1). Responden yang masuk ke alam kategori ini adalah yang berumur tiga puluh enam tahun dan lebih. G1 ini lalah anggota komuniti Rajang-Tanjong yang lahir sebelum penggabungan rawak ke dalam Malaysia, iaitu pada tahun 1963. Sebahagian kecil sahaja anggota muniti dari generasi ini yang mendapat pendidikan formal semasa remaja dan ng mendapat pendidikan formal ini pula tidak mendapat pendidikan dalam bahasa layu kerana pada masa itu bahasa pengantar di sekolah masih dalam bahasa geris. Mereka ini kini kebanyakannya bekerja sendiri dan sebagai buruh dengan rikat pembalakan di samping ada juga beberapa orang yang bekerja sebagai uh di jabatan-jabatan kerajaan. G1 ini merupakan golongan yang paling kurang idapat pemgaruh bahasa Melayu semasa remaja, yakni sewaktu proses belajaran bahasa berlaku.

7.1.2 Generasi kedua (G2)

Kategori kedua pula dinamakan Generasi Kedua (G2), mereka ini adalah anggota komuniti Rajang-Tanjong yang berumur antara enam belas tahun hingga tiga puluh lima tahun. Mereka ini adalah generasi Malaysia. Mereka ini lahir sesudah Sarawak bergabung dengan Malaysia ataupun usia remaja mereka adalah dalam Malaysia (bagi yang lahir sebelum penggabungan).

Sebahagian besar daripada anggota komuniti dari generasi ini mendapat pendidikan formal di sekolah kerana pada generasi ini pembangunan sudah mula masuk ke kawasan ini dan pendidikan sudah dianggap sebagai keperluan. Sebahagian daripada G2 ini pula mendapat pendidikan dalam bahasa Melayu. Kini G2 ini bekerja di jabatan-jabatan kerajaan dalam bidang kekeranian dan ada juga dalam bidang perguruan, tetapi jumlah mereka tidak ramai. Kebanyakan mereka masih bersekolah dan bekerja sebagai buruh dengan syarikat-syarikat pembalakan. Pada G2 ini, kebanyakan mereka berhenti sekolah pada peringkat sekolah rendah atau menengah rendah dan mula mencari pekerjaan pada umur yang masih muda dan berkahwin pada usia sekitar lapan belas hingga dua puluh tahun. Bagi yang berjaya menamatkan persekolahan sehingga sekolah menengah, mereka bekerja dengan jabatan-jabatan kerajaan, tetapi jumlah mereka adalah sedikit.

7.1.3 Generasi ketiga (G3)

Kategori ketiga pula dinamakan Generasi Ketiga (G3), mereka ini adalah anggota komuniti yang berumur di bawah enam belas tahun. Mereka ini masih kanak-kanak dan di awal remaja serta masih bersekolah (namun begitu, terdapat juga yang sudah berhenti sekolah pada peringkat umur ini). G3 ini merupakan golongan yang paling ramai dalam komuniti ini, iaitu mewakili 44.3% daripada jumlah keseluruhan anggota komuniti. Mereka merupakan penentu bagi masa depan dan kesinambungan bahasa dan budaya komuniti ini. G3 ini lahir dalam zaman yang segalanya sudah maju. Walaupun mereka tinggal jauh di pedalaman, mereka terdedah dengan media komunikasi moden seperti radio dan televisyen. Tenaga Elektrik di kawasan penempatan mereka dibekalkan melalui generator, dan dengan itu mereka tiada masalah menggunakan kemudahan radio dan televisyen. Dengan adanya kedua-dua media ini, mereka terdedah terus dengan bahasa Melayu melalui kedua-duanya di samping pendidikan formal di sekolah. Berbeza daripada dua generasi yang terdahulu, iaitu G1 dan G2, mereka ini sudah terdedah dengan bahasa Melayu sejak kecil lagi melalui media massa . G1 hanya dapat menikmati kemudahan ini setelah mereka dewasa dan G2 pula menikmati kemudahan ini setelah berumur remaja. G3 ini juga adalah generasi yang lahir setelah bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran di Sarawak. Bahasa Melayu menjadi bahasa pentadbiran di samping bahasa Inggeris di Sarawak mulai 1974. Pada tahun 1985, bahasa Melayu telah menjadi bahasa pentadbiran tunggal di negeri ini. (Asmah Hj. Omar 1987:60).

Jadual 7.1: Pembahagian kategori responden mengikut peringkat umur

Kategori	Peringkat Umur
G1	36 ke atas
G2	16 hingga 35
G3	15 ke bawah

7.2 Bahasa yang sedang mengalami proses penyisihan

Dalam bab ini akan dihuraikan bahasa yang mana mengalami penyisihan dan bahasa yang mana pula mengalami pemeliharaan berdasarkan penguasaan bahasa dan pola pemilihan bahasa yang berlaku dalam komuniti Rajang-Tanjong berdasarkan data yang terdapat dalam dua bab yang lalu.

Daripada analisis terhadap penguasaan bahasa dan pemilihan bahasa di kalangan anggota komuniti Rajang-Tanjong ini, didapati bahasa Tanjong sedang mengalami proses penyisihan. Bahasa Tanjong sekarang ini hanya dikuasai oleh anggota komuniti yang berketurunan Tanjong dan dalam G1 sahaja. Penggunaan bahasa ini pula terhad dalam domain yang disertai oleh anggota komuniti dari keturunan ini dan di kalangan G1 sahaja. Dalam perhubungan dengan G2 dan G3 yang berketurunan Tanjong, didapati G1 sering juga menggunakan bahasa Tanjong terutamanya dengan G2. Manakala G2 pula akan membalas dengan menggunakan

bahasa Kanowit. Bagi G2 yang boleh serba sedikit berbahasa Tanjong mereka akan menggunakan bahasa Kanowit dengan beberapa alih kod bahasa Tanjong. Bagi perhubungan dengan G3 pula, didapati G1 menyesuaikan diri dengan menggunakan bahasa Kanowit. Kerana G3 tidak boleh berbahasa Tanjong maka G1 terpaksalah menggunakan bahasa yang boleh difahami oleh kedua-dua belah pihak. Di sini berlaku penyesuaian, di mana penutur akan memilih bahasa yang sesuai dengan orang yang dilawan bercakap. (Giles, Bourhis dan Taylor 1977). G1 walaupun cuba mempertahankan bahasa ibundanya, tetapi dalam keadaan apabila orang yang dilawan bertutur yang merupakan anggota keluarga dan jiran yang seketurunan tetapi tidak boleh bertutur dalam bahasa ibunda , maka mereka terpaksa juga menggunakan bahasa lain, iaitu bahasa Kanowit.

Di sini didapati tidak berlaku penurunan bahasa dari golongan tua kepada golongan muda. Asmah Hj. Omar (1985) telah menjelaskan bahawa salah satu punca kepupusan sesuatu bahasa adalah apabila berlaku keadaan di mana satu bangsa itu tidak menurunkan bahasa ibunda kepada generasi yang lebih muda. Dalam keadaan bahasa Tanjong ini, faktor utama tidak berlakunya penurunan kepada generasi muda adalah sikap G1 yang terlampau berlembut dalam mempertahankan bahasa ibundanya dan juga sikap mereka yang terlampau mudah mencari titik penyesuaian dengan orang yang dilawan bercakap.

Selain daripada anggota komuniti G1 yang berketurunan Tanjong mempertahankan bahasa Tanjong, didapati G1 yang berketurunan Kanowit juga

ramai yang menguasai bahasa ini. Mereka menggunakan bahasa Tanjong ini apabila berhubung dengan G1 berketurunan Tanjong sahaja.

Daripada keadaan ini dapat dilihat bahawa bahasa Tanjong sekarang ini hanya digunakan di kalangan anggota komuniti G1 sahaja dan dalam domain kekeluargaan dan kejiranan, juga dalam beberapa situasi domain persahabatan, iaitu apabila sahabat yang dilawan bercakap merupakan G1 dari keturunan Tanjong atau Kanowit. Golongan muda tidak menggunakan bahasa ini dan sebahagian besar daripada mereka tidak boleh memahami bahasa ini. Mereka menamakan bahasa ini sebagai Bahasa Tanjong Tua dan dikatakan sebagai 'bahasa susah'.

7.3 Bahasa yang mengalami proses pemeliharaan

Berbeza dengan bahasa Tanjong yang sedang mengalami proses penyisihan dan dijangkakan akan lupus apabila penuturnya yang ada sekarang, yakni dari G1 sudah tidak ada lagi, terdapat tiga bahasa yang sedang mengalami proses pemeliharaan dalam komuniti ini. Bahasa-bahasa yang mengalami proses pemeliharaan adalah bahasa Kanowit, Iban dan bahasa Melayu.

7.3.1 Bahasa Kanowit

Bahasa Kanowit masih mengalami pemeliharaan dan proses penurunan dari G1 ke G2 dan seterusnya ke G3 masih terus berjalan. Hampir semua anggota komuniti Rajang-Tanjong ini fasih bertutur dalam bahasa Kanowit ini. Daripada soal selidik

yang telah dijalankan, didapati 97.8% responden menguasai bahasa ini dengan fasih dan selebihnya, iaitu 2.2% yang tidak menguasai bahasa ini terdiri daripada orang luar yang baru masuk ke dalam komuniti ini melalui perkahwinan. Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa Kanowit ini dikuasai oleh ketiga-tiga generasi dari semua keturunan, iaitu Tanjong, Kanowit dan Campur. Bagi yang berketurunan Tanjong, seperti yang telah diterangkan di atas, G1 dan G2 keturunan ini menguasai juga bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Tanjong. Tetapi G3 keturunan Tanjong ini tidak lagi boleh bertutur dalam bahasa ibunda mereka, sebaliknya mereka telah beralih menggunakan bahasa Kanowit. Di sini didapati G1 berketurunan Tanjong berjaya menurunkan bahasa Tanjong kepada G2, tetapi G2 ini pula tidak menurunkannya kepada G3. G2 keturunan Tanjong ini menurunkan bahasa Kanowit kepada G3.

Bagi anggota komuniti yang berketurunan campur antara Tanjong dan Kanowit, mereka mempertahankan bahasa Kanowit dan meninggalkan bahasa Tanjong, walaupun salah seorang ibu bapa mereka adalah berketurunan Tanjong. Hanya 10.5% sahaja responden daripada keturunan campur ini yang boleh memahami bahasa Tanjong. Walaupun demikian, mereka tidak boleh bertutur dalam bahasa ini dan mereka terdiri dari G1. Sebahagian besar anggota komuniti Rajang-Tanjong yang berketurunan campur ini terdiri daripada G3, golongan ini mewakili 68.0% daripada jumlah anggota komuniti berketurunan campur. G2 pula merupakan 20.5% daripada jumlah keturunan ini dan G1 hanya 11.5% sahaja.

Anggota komuniti yang berketurunan campur ini menguasai bahasa Kanowit dan tidak boleh berbahasa Tanjong adalah disebabkan tempat tinggal mereka. Penempatan komuniti Rajang-Tanjong ini terdiri daripada enam kelompok, iaitu Rumah Panjang Mbawang, Rumah Panjang Penghulu dan empat kelompok rumah sebuah.(Rujuk 4.4). Rumah Panjang Mbawang merupakan rumah panjang yang paling tua dan penghuninya kebanyakannya adalah G1 yang berketurunan Tanjong, manakala Rumah Panjang Penghulu pula agak baru dan penghuninya terdiri daripada yang berketurunan Kanowit dan campur. Rumah panjang yang pertama tadi terdiri daripada sembilan buah bilik dan tidak boleh dipanjangkan lagi untuk membina bilik-bilik tambahan kerana kedudukannya yang terletak dilereng tebing sungai yang curam dan sempit.

Apabila anak-anak keturunan Tanjong G1 di Rumah Panjang Mbawang berkahwin, (sebahagian besarnya berkahwin dengan anggota yang berketurunan Kanowit yang datang dari rumah panjang kedua), maka mereka memerlukan tempat tinggal yang baru. Mereka ini kebanyakannya membina rumah dengan menyambung bilik di rumah panjang kedua, iaitu berhampiran rumah mertua mereka. Rumah panjang ini, walaupun terletak di tebing yang curam, masih terdapat banyak tanah lapang dan masih boleh ditambah bilangan biliknya dengan cara menyambung secara selari. Dengan keadaan ini, anak-anak mereka yang akan lahir nanti membesar dalam suasana sekeliling yang terdiri daripada orang-orang yang menuturkan bahasa Kanowit. Secara tidak langsung mereka mengambil bahasa Kanowit sebagai bahasa ibunda. Keadaan ini juga sama dengan anak-anak yang lahir daripada ibu bapa berketurunan Tanjong. Pasangan suami isteri Tanjong yang baru

berkahwin juga terpaksa membina bilik di rumah panjang kedua dan anak-anak mereka juga, iaitu G3 berketurunan Tanjong membesar dalam persekitaran yang orang sekeliling menuturkan bahasa Kanowit. Keadaan ini mudah berlaku kerana struktur binaan rumah panjang yang sekian rupa dan perhubungan dengan jiran-jiran dan kawan sepermainan serumah panjang yang rapat. Dengan itu, keadaan perumahan juga mempengaruhi pemeliharaan atau penyisihan bahasa dalam komuniti ini.

Daripada keadaan ini dapat dilihat bahawa bahasa Kanowit mengalami proses pemeliharaan. Bahasa ini digunakan oleh semua keturunan dalam semua generasi. Apabila bahasa ini digunakan oleh G2 dan G3, ini menandakan adanya kesinambungan bahasa ini dan bagi G3 didapati bahasa ini menjadi bahasa ibunda bagi yang berketurunan Kanowit, campur maupun yang berketurunan Tanjong. Bahasa ini mengalami proses penurunan dari generasi yang tua kepada generasi yang lebih muda.

Walaupun bahasa Kanowit ini dikuasai oleh hampir semua anggota komuniti ini, tetapi penggunaannya terhad dalam domain-domain yang pesertanya terdiri daripada anggota komuniti ini sahaja. Dalam domain-domain yang melibatkan orang luar dan di luar kawasan penempatan komuniti ini, mereka menggunakan bahasa Iban dan bahasa Melayu.

responden yang telah disoalselidiki mengaku boleh bertutur dalam bahasa bermakna semua anggota komuniti Rajang-Tanjong ini yang berusia dua ıun dan lebih menguasai bahasa Iban (umur yang paling muda di ambil responden adalah dua belas tahun). Bahasa Iban dipelajari secara tidak melalui pergaulan dengan anggota kaum Iban yang merupakan kaum teramai ah Kapit Jumlah kaum Iban merupakan lebih 70% daripada jumlah ık Daerah Kapit Disebabkan jumlah mereka yang ramai dan mereka kan majoriti penduduk kawasan ini, maka bahasa mereka menjadi dominan.

Sebenarnya, pada kurun ke-19 yang lalu sebelum kedatangan kaum Iban ke ini, kawasan ini diduduki majoriti oleh kaum Kanowit dan Tanjong. Setelah ngan kaum Iban dengan jumlah yang besar, sebahagian besar orang Kanowit anjong ini terserap ke dalam kaum Iban yang telah begitu dominan. (Edwards levens, 1971 91) Kaum Iban mula datang ke kawasan ini pada awal kurun ke-ıri Kalimantan Pada 1887, kaum Iban telah mendapat kebenaran daripada ıan Brook untuk membuat penempatan di cawangan-cawangan Sungai Rajang ıhu Kapit Menjelang 1907, penempatan mereka ini telah berkembang dan ıh kaum Iban yang menetap di kawasan ini juga meningkat berlipat kali ganda ıgga daerah ini menjadi daerah utama bagi kaum Iban di Sarawak. (Kapit ctum, m s 16)

Penerangan. Penerbitan ini berbentuk buletin, brosur dan sebagainya. Dari pemerhatian yang telah dijalankan di beberapa pejabat kerajaan seperti Pejabat Daerah, Pejabat Residen, dan hospital serta klinik, didapati banyak poster dan papan tanda ditulis dalam bahasa Iban di samping bahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris. Batu asas perasmian Hospital Kapit ditulis sepenuhnya dalam bahasa Iban dan Inggeris.

Disebabkan penggunaan bahasa Iban yang luas dan penutur aslinya pula ramai, maka hampir semua anggota komuniti Rajang-Tanjong menguasai bahasa ini dan digunakan sebagai bahasa perhubungan dengan orang luar dan di luar kawasan penempatan mereka selain daripada bahasa Melayu.

7.3.3 Bahasa Melayu

Bagi bahasa Melayu pula, bahasa ini dikuasai oleh anggota komuniti yang dari G2 dan G3. Bagai kedua-dua generasi ini, mereka memperolehi kemahiran bahasa Melayu melalui pendidikan formal di sekolah. Terutamanya G3 yang kebanyakannya masih bersekolah.

Bagi G1, kesemua anggota komuniti dari generasi ini yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa orang dari mereka yang boleh memahami bahasa Melayu serba sedikit sahaja. Mereka ini tidak pernah menerima pendidikan dalam bahasa Melayu dan tidak bekerja sebagai kakitangan kerajaan. Mereka tidak boleh berbahasa Melayu kerana tidak ada keperluan bagi mereka untuk

menguasainya. Penggunaan bahasa Melayu amat terhad dalam domain seperti pendidikan, kerajaan dan pekerjaan. Dalam domain kerajaan, sering kali juga bahasa Iban digunakan lebih-lebih lagi jika kakitangan kerajaan yang ditemui itu bukan berbangsa Melayu. Dalam perhubungan dengan kakitangan kerajaan berbangsa Melayu pula, bahasa Melayu basahan sahaja yang digunakan dan ini jarang berlaku kerana mereka jarang berhubung dengan kakitangan kerajaan kerana tidak ada keperluan untuk itu. Kebanyakan urusan dengan kakitangan kerajaan dilakukan melalui orang perantaraan, iaitu penghulu. Walaupun mereka tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu, kebanyakan daripada G1 ini boleh memahami serba sedikit bahasa ini. Mereka terdedah kepada bahasa Melayu melalui media massa seperti radio dan televisyen, terutamanya televisyen.

7.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya didapati bahasa yang mengalami proses penyisihan dan menghadapi kemungkinan akan pupus adalah bahasa Tanjong. Bahasa ini kini hanya digunakan oleh peringkat umur tertentu sahaja, yakni pada peringkat umur yang sudah lanjut pada G1 dan tidak ada penurunan kepada generasi yang lebih muda. Bahasa ini dijangkakan akan pupus sepenuhnya apabila penuturnya, iaitu yang berusia lanjut itu sudah tidak ada lagi nanti.

Bahasa Kanowit dan bahasa Iban mengalami pemeliharaan, manakala bahasa Melayu pula mengalami pemeliharaan pada peringkat G3. Pada peringkat G2, penguasaan bahasa Melayu beransur-ansur kurang dan di peringkat ini sedang

berlaku proses penyisihan dan apabila sampai pada peringkat G1, mereka tidak boleh lagi menggunakan bahasa Melayu. Pada peringkat G1 ini, terutamanya yang berusia lebih lima puluh tahun, sebenarnya mereka tidak mengalami penyisihan bahasa Melayu kerana mereka tidak pernah menjadi penutur bahasa ini. Berbeza dengan G2 dan G1 yang pernah menggunakan bahasa ini sewaktu bersekolah. Tetapi keadaan ini tidak berlaku pada semua G1, terdapat beberapa orang G1 yang berumur di bawah empat puluh tahun dan bekerja dengan jabatan kerajaan dan mereka ini menguasai bahasa Melayu dengan baik. Bagi G1 yang tidak bekerja dengan kerajaan dan berusia agak lanjut serta tidak pernah mendapat pendidikan formal bahasa Melayu, mereka memang tidak boleh berbahasa Melayu. Bagi yang pernah belajar bahasa Melayu pula, tetapi tidak bekerja dengan jabatan kerajaan, penguasaan bahasa Melayu mereka beransur berkurangan apabila semakin lama mereka meninggalkan bangku persekolahan. Disebabkan bahasa Melayu bukanlah bahasa yang digunakan seharian, maka kemerosotan kemahiran bahasa ini apabila umur mereka meningkat tidak dianggap sebagai satu penyisihan.

Jadual 7.2 : Bahasa yang mengalami pemeliharaan

Bahasa	Generasi
Tanjong	G1,
Kanowit	G1, G2, G3
Iban	G1, G2, G3

Jadual 7.3: Bahasa yang mengalami penyisihan

Bahasa	Generasi
Tanjong	G2, G3

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pemeliharaan dan penyisihan bahasa yang berlaku di dalam komuniti ini. Faktor-faktor tersebut adalah lokasi rumah, sosial, pendidikan, pekerjaan dan keperluan.

Lokasi rumah menyebabkan bahasa Tanjong mengalami penyisihan pada sebahagian besar responden G2 dan pada semua responden G3. Kebanyakan G2 tinggal di kawasan yang didiami oleh anggota yang bertutur dalam bahasa Kanowit dan G3 pula lahir di kawasan ini. Bahasa di persekitaran tempat tinggal mempengaruhi penguasaan bahasa individu.

Dari segi faktor sosial pula, anggota komuniti ini terdedah kepada bahasa Iban yang merupakan golongan majoriti dan dominan di daerah Kapit ini. Melalui pergaulan dengan suku kaum Iban ini, anggota komuniti Rajang-Tanjong dari G1 dan G2 menguasai bahasa Iban, manakala G3 pula hanya sebahagian sahaja yang menguasainya kerana mereka hanya dapat bergaul dengan orang-orang Iban ini apabila mereka sampai pada peringkat umur yang boleh keluar dari penempatan mereka, iaitu pada umur mula masuk sekolah. Dari keadaan ini didapati penguasaan bahasa Iban adalah berorientasikan fungsi integratif. Bahasa ini sebagai ciri

golongan dominan di kawasan ini dan menguasai bahasa ini boleh dianggap menganggotai golongan ini.

Faktor pendidikan juga memainkan peranan penting dalam pemeliharaan dan penyisihan bahasa. Bagi anggota komuniti yang mendapat pendidikan formal, mereka menguasai bahasa Melayu, seperti yang dapat dilihat pada G3. Tetapi penguasaan bahasa Melayu ini didapati mula menurun apabila umur semakin meningkat dan tempoh meninggalkan bangku sekolah semakin lama. Keadaan ini dapat dilihat pada G2 yang mula kurang penguasaan bahasa Melayu mereka. Ini terjadi kerana faktor keperluan. Apabila mereka meninggalkan bangku sekolah, mereka tidak ada keperluan lagi untuk menggunakan bahasa Melayu dan lama kelamaan penguasaan bahasa ini berkurangan. Walau bagaimanapun, bagi yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan, mereka berjaya memepertahankan bahasa ini kerana digunakan setiap hari. Dengan itu dapatlah dikatakan bahasa Melayu berfungsi instrumental. Bahasa ini hanya digunakan jika diperlukan, jika keperluan untuk menggunakannyaa tidak ada, maka bahasa ini tidak digunakan.

Secara keseluruhannya, didapati bahasa Tanjong sedang mengalami penyisihan dan diganti dengan bahasa Kanowit sebagai bahasa utama komuniti ini. Anggota komuniti ini telah memilih bahasa ini sebagai bahasa perhubungan mereka. Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, terdapat dua bahasa utama di dalam komuniti ini, tetapi disebabkan keperluan perhubungan yang hanya memerlukan satu bahasa sahaja, maka salah satu bahasa tersebut terpaksa ditinggalkan. Bahasa

Kanowit telah terpilih sebagai bahasa yang kekal digunakan dan bahasa Tanjong ditinggalkan.

Kemampuan kedua-dua bahasa ini untuk terus hidup bergantung semata-mata kepada penggunaan seharian secara verbal. Kedua-dua bahasa ini tidak mempunyai tradisi tulisan dan tidak mempunyai sistem tulisannya yang tersendiri. Bahasa Kanowit akan terus kekal selagi anggota komuniti ini tetap wujud kerana mereka menurunkan bahasa ini kepada generasi yang lebih muda, wujud kesinambungan dalam penggunaannya oleh generasi muda. Bagi bahasa Tanjong pula tidak berlaku penurunan dan tidak ada dalam bentuk tulisan. Apabila generasi yang menuturkan bahasa ini sudah tidak ada nanti, bahasa ini akan terus pupus dan tidak mungkin dilakukan pengunduran penyisihan bahasa (RLS) kerana bahasa ini tidak didokumentasikan.